

# UMNO Perak mahu beri pandangan jika ada yang dilantik ke MT

IPOH, Isnin — Kalangan pemimpin UMNO Perak melahirkan harapan agar dapat menemui bakal Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk turut memberi pandangan sekiranya terlintas di hati beliau untuk melantik orang Perak menduduki dalam Majlis Tertinggi (MT).

"Sudah pasti kita alu-alukan jika ada orang kita yang ingin di lantik oleh Presiden baru UMNO itu."

"Tetapi, kalau boleh biarlah kami di sini dapat sama memberi pandangan setakat mana yang boleh," kata Ketua Penerangan UMNO Perak, Datuk Haji Hisan Ibrahim, ketika diminta mengulas mengenai ramalan kemungkinan ada anak Perak dilantik menduduki MT.

Beliau berkata, mereka sedar bahawa perlantikan itu adalah kuasa Presiden Parti, tetapi oleh kerana Datuk Seri Dr. Mahathir adalah Ketua Perhubungan UMNO Perak, elok jugalah jika mereka diberi kesempatan mengutarakan pendapat dan pandangan.

"Ini bukanlah apa-apa, kami adalah anak buah Dr. Mahathir, jadi apa juga perbincangan yang dicadangkan adalah untuk kepenyertaan bersama," ujarnya.

Dalam pemilihan 20 ahli MT di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, hanya Menteri Besar Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh dan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa, yang terpilih dari 17 calon Perak yang bertanding.

## Komen

Mengenal ramalan akhbar-akhbar tempatan, bahawa Pengerusi MARA Dr. Nawawi Mat Awin adalah di antara tujuh orang yang kemungkinan besar dilantik menganggotai MT Datuk Seri Dr. Mahathir. Datuk Hisan enggan memberi komen, cuma berkata: "Saya khuatir ia akan menimbulkan salahfaham kelak."

Beberapa orang pemimpin bahagian yang ditemui, lebih suka menganalisis sikap 'tunggu dan lihat.'

Dr. Nawawi yang turut tewas dalam pemilihan MT, sebelum ini ialah seorang Chartered akauntan di sini. Beliau adalah juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian

Kinta, yang sekarang dipimpin oleh bekas penghulu Megat Amir bin Megat Yahya.

Sementara itu tidak kurang pula nama-nama lain dari Perak yang disebut-sebut sebagai layak dipertimbangkan untuk perlantikan tersebut. Di antara mereka, ialah, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Encik Idris Abdul Raof (yang menduduki tempat 33 dalam pemilihan MT baru-baru ini), Pengerusi MIDA Datuk Jamil Jan dan dua orang anggota Exco Kerajaan Negeri, Encik Zainal Abidin bin Zin dan Encik Ramly Ngah Talib; masing-masing menduduki tempat 28 dan 35 dalam pemilihan MT.

Ada pula mencadangkan agar bekas Menteri Besar Datuk Seri Ahmad bin Said dilantik menganggotai MT kerana beliau masih bergerak cergas dalam politik Perak, termasuklah menjadi ahli Biro Politik Perhubungan UMNO Negeri dan anggota Jawatankuasa Pentadbir UMNO Bahagian Parit Buntar.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia